

10 JUN 1999

Mahathir-Kebebenaran

ORANG AKAN SAMAN JIKA SAYA CAKAP APA YANG BENAR, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau terpaksa bercakap mengenai perkara tertentu secara tertutup untuk mengelakkan beliau disaman walaupun apa yang dikatakan itu adalah benar.

Dr Mahathir berkata, ada orang akan menyaman beliau untuk menutup mulut beliau supaya tidak menyatakan apa yang benar.

"Jadi di tempat tertutup, saya bebas bercakap tanpa kehadiran media," kata beliau di permulaan persidangan berita selepas melancarkan kem khas sebelum pemilihan Pemuda Umno di sini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjelaskan sebab-sebab beliau meminta wakil-wakil media meninggalkan Dewan Merdeka di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sebelum berucap di hadapan 1,900 anggota pemuda Umno.

Sebelum itu wakil-wakil media dibenarkan mendengar ucapan pemangku ketua pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dalam dewan itu.

Turut hadir ialah naib presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr Mahathir berkata, apabila media menyiarkan apa yang beliau berkata, mereka (orang-orang tertentu) besar kemungkinan akan menyaman beliau walaupun apa yang beliau katakan itu adalah benar.

"Mereka ini pengacau," kata beliau.

Beliau juga berkata, satu lagi sebab wakil-wakil media diminta meninggalkan dewan itu ialah kerana beberapa anggota pemuda Umno telah menyatakan rasa tidak senang hati dengan wakil-wakil tertentu media.

"Saya tidak tahu siapa ... bukan semua tetapi orang-orang tertentu dalam media," katanya.

-- BERNAMA

TM PR